

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 14 TAHUN 1976**

#### **DASAR MENGENAI KADAR BAYARAN HASIL TANAH YANG DIBERI MILIK KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN UNTUK KEGUNAAN SEKOLAH, KLINIK & LAIN-LAIN BANGUNAN YANG MEMBERI FAEDAH KHAS KEPADA NEGERI**

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa cara mengenakan bayaran hasil tanah yang diberi milik kepada Kerajaan Persekutuan untuk kegunaan sekolah, klinik dan lain-lain bangunan yang memberi faedah khas kepada Kerajaan Negeri adalah sebagaimana dalam Pengedaran PTG Bil 2/1976 iaitu atas dasar 20% sahaja daripada hasil tanah untuk bangunan yang dikenakan kepada orang awam sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan 14 daripada Peraturan Tanah Kelantan Tahun 1966.

2. MMK yang bersidang pada 26.8.1976 selepas menimbang Kertas Bil 15/558/76(6) telah membuat keputusan membatalkan dasar bagaimana dalam Pengedaran PTG Bil 2/1967 yang dinyatakan di atas dan sebagai gantinya MMK dalam siding yang sama telah membuat keputusan bersetuju tanah yang diberi milik kepada Kerajaan Persekutuan untuk kegunaan sekolah, klinik atau lain-lain bangunan yang memberi faedah khas kepada Kerajaan Negeri hendaklah 25% sahaja daripada hasil tanah untuk bangunan yang dikenakan kepada orang awam sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan Tanah Kelantan Tahun 1966.
  
3. Semua PHT adalah diminta mengambil ingatan akan keputusan yang di atas untuk langkahan selanjutnya apabila menyediakan Kertas MMK mengenai pemberian milik tanah kepada Kerajaan Persekutuan.

4. Pekeliling ini hendaklah di baca bersama dengan Pekeliling PTG Bil 2/1976 mengenai kadar harga tanah yang diberi milik kepada Kerajaan Persekutuan.

t.t  
**(Mohd. Tajol Aros bin Ahmad)**  
Pengarah Tanah Dan Galian,  
Kelantan

**KEPADА:**

Semua P.H.T. & Penolong P.H.T. Kelantan.

Ketua Jajahan Kecil, Gua Musang

**SALINAN KEPADA:**

YB.Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.

YB.Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

Juru Odit Negeri Kelantan.

Pengarah Ukur Negeri Kelantan.

Pegawai Tadbir, L.K.T.N Kelantan.

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN, KOTA BHARU.**

PTG.KN.38/69/(132)  
SUK.KN.284/64/(38)  
CLM.KN. 85/59.

**KOTA BHARU:** 11HB OKTOBER 1976